

Dr Mahathir beri jawapan tepat

MANATHIR OUTSEAS TRIP

Oleh Salleh Majid di New York

PADA 29 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan Promosi Pasaran Saham Malaysia di New York dan dalam sesi soal jawab selepas perasmian itu, beliau ditanya pelbagai soalan, terutama berkaitan ekonomi negara. Rakyat Malaysia patut berbangga dengan cara Perdana Menteri memberikan jawapan. Jawapan beliau tepat, padat dan mudah difahami.

Antara soalan diajukan ialah mengenai perkembangan terakhir Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan sama ada beliau akan menghadiri persidangan Apec di Seattle, Amerika Syarikat.

Dr Mahathir menerangkan, EAEC sedang dalam proses menyelesaikan penubuhannya. Ia akan bergerak di luar Apec sebagai badan perundingan. Negara EAEC boleh membentangkan pandangan dan kedudukannya sebagai barisan yang bersatu. Mengenai Seattle, Dr Mahathir tidak akan mengahdirinya kerana ia bukan jemputan daripada ahli Apec tetapi dari Amerika Syarikat.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan mengenai dasar telekomunikasi kerajaan, menyatakan bukannya menjadi dasar kerajaan membiarkan monopoli oleh Telekom Malaysia. Tetapi kerajaan tidak berhasrat menubuhkan rangkaian kedua. Kehadiran Telekom menggalakkan ramai lagi peserta menceburkan diri dalam pasaran.

menjelaskan DEB ialah satu kejayaan besar negara dalam penyusunan semula masyarakat Bumiputera. Ketidakseimbangan yang begitu ketara antara semua bangsa dapat dikurangkan dan tekanan di kalangan kaum juga berkurangan.

Dr Mahathir berkata, jika dalam masyarakat sebangsa boleh wujud perasaan cemburu, iri hati dan perbalahan, inikan pula dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia.

DEB dapat menyamaratakan kedudukan semua kaum. Kaya dan miskin untuk semua kaum. Walaupun Bumiputera 50 peratus daripada penduduk Malaysia, hanya 30 peratus dijadikan sebagai matlamat DEB. Kini bukan saja pengagihan kekayaan yang penting tetapi pengurusan dan pengekalanannya. Latihan untuk memperbaharui kemahiran dalam pengurusan kekayaan dititikberatkan dalam dasar selepas DEB, iaitu Dasar Pembangunan Nasional.

Seorang pengurus tambung bertanyakan mengenai bentuk hubungan masa depan Malaysia dengan Vietnam. Menurut Dr Mahathir, Malaysia mengakui betapa pentingnya Malaysia membantu Vietnam supaya apabila ia menjadi kaya, negara itu akan membeli lebih banyak barangan Malaysia berbanding negara lain. Rakyat Vietnam yang berjumlah 60 juta, kuat bekerja. Vietnam perlu diberi bimbingan mengenai pengurusan ekonomi bebas dan Ma-

Perdana Menteri juga ditanya mengenai ucapan Presiden Clinton yang menyentuh soal perubahan sikap dan menggalakan pertukaran teknologi kepada negara membangun, seperti Malaysia. Dr Mahathir mengatakan negara membangun perlukan teknologi yang canggih. Negara itu boleh menjadi maju dan bila sudah maju mereka boleh menambah import daripada negara yang menjual teknologi terbahit.

Mengenai perlunya negara kita mengekalkan perlindungan bagi industri baru, Dr Mahathir menerangkan tanpa tarif, industri yang baru muncul tidak mungkin dapat menjual barangan mereka di pasaran sendiri.

Dr Mahathir berkata, Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai bilangan penduduk kecil dan perlu bersaing di pasaran dunia. Jika industri baru tidak dilindungi, Malaysia tidak mungkin dapat mencapai taraf negara perindustrian.

Ada juga yang ingin tahu mengenai kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perdana Menteri

laysia sudah membantu dalam bidang perbankan serta pengurusan kewangan. Vietnam tidak patut dicadangkan untuk mengikut sistem demokrasi seperti di Rusia dan Eropah Timur. Institusi untuk mengurus sistem ekonomi bebas perlu diwujudkan dahulu.

Menjawab pertanyaan mengenai rancangan ekonomi yang baik di Malaysia, Dr Mahathir menjelaskan perlunya pengurusan baik dan rakyat sentiasa diberitahu mengenai politik masyarakat berbilang bangsa.

Inflasi perlu diturunkan lagi kerana kadar pertumbuhan ekonomi akan dihadkan oleh tekanan inflasi.

Ukuran pendapatan per kapita patut diubah dengan menggunakan ukuran Pariti Kuasa Membeli (PPP), iaitu AS\$7,000 berbanding AS\$3,000 untuk pendapatan per kapita.

Menyentuh Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta), Dr Mahathir berkata perbezaan pendekatan negara Asean memerlukan kerjasama dan bukan persaingan.